

SURAU 'AL-ULUM KD9

Bil. 6. (Sept, 2005/Syaaban, 1426)

Untuk Edaran Ahli Kariah Sahaja

Percuma

15 Syaaban 1426H bersamaan 19 September, 2005 – Nisfu Syaaban – Hiasinya dengan memperbanyakkan ibadah sunat

SYA'ABAN ...

...PERSEDIAAN MENGHADAPI RAMADAN

Kini kita melangkah kebulan kelapan dalam kalender Islam iaitu Bulan Sya'aban. Sya'aban ertinya 'berserak-serak'. Bulan Sya'aban bulan berserak-serak. Dinamai demikian kerana dalam bulan ini bangsa Arab dahulu berserak-serak pergi ke lembah-lembah mencari air kerana pada bulan ini biasanya mereka kekurangan air.

Di dalam keterangan yang lain dikatakan, sebab dinamakan Sya'aban kerana pada bulan ini terdapat berserak-serak (banyak) kebajikan yang harus direbut oleh umat Islam. Dalam bulan ini kita digalakan berdoa agar dapat bertemu bulan Ramadan al-Mubaraq, membersihkan jiwa dan hati, bertaubat, meningkatkan amalan soleh, menyemak kembali hukum-hukum berkaitan puasa, menyediakan agenda sepanjang bulan puasa dan sebagainya. Inilah juga tempoh terakhir bagi mereka yang belum mengqada' puasa yang lalu.

Beberapa hadis Rasulullah saw menunjukkan kelebihan bulan Syaaban: 1. Sayidatina Aisyah r.a. menyatakan, tidak pernah Rasulullah SAW berpuasa lebih banyak melainkan dalam bulan Sya'aban (selain bulan Ramadhan); sesungguhnya baginda SAW telah berpuasa sebulan penuh. (Hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

2. Usman bin Zaid menceritakan: "Saya telah bertanya kepada Rasulullah SAW, wahai Rasulullah, saya tidak pernah menyaksikan banyaknya puasa tuan pada lain-lain bulan seperti Bulan Sya'aban; lalu baginda menjawab, itulah bulan (Sya'aban) dimana ramai manusia lalai mengenainya iaitu diantara Rejab dan Ramadhan; ini adalah bulan dimana segala amalan diangkat kepada Tuhan pemilik sekalian alam. Oleh itu saya (baginda) amat suka kiranya amalan saya diangkat ketika saya sedang berpuasa. (Hadis riwayat Imam Ahmad dan An-Nasai)

3. Sayidina Aishah r.a. menceritakan, Rasulullah SAW telah bersabda: "Sesungguhnya Allah Ta'ala turun pada malam pertengahan (nisfu) Sya'aban ke langit dunia dan mengampunkan dosa-dosa orang lebih banyak dari bilangan bulu-bulu kambing Bani Kalb." Hadis riwayat At-Tarmizi dan Ibnu Majah

4. Rasulullah juga pernah bersabda yang bermaksud: "Sya'aban adalah bulanku dan Ramadhan adalah bulan umatku. Sya'aban mengkafarakan (menghapuskan) dosa dan Ramadhan menyucikan dosa (jasmani dan rohani)."

5. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Dinamakan Sya'aban kerana dalam bulan tersebut terdapat amat banyak kebajikan; dan puasa yang lebih afdhal ialah puasa dalam bulan Sya'aban."

6. Sabda Rasulullah SAW bermaksud, apabila tiba malam Nisfu Sya'aban, maka pada malam tersebut berjagalah kamu dengan mendirikan solat, beribadat dan berpuasa pada siangnyanya. Allah SWT berfirman, "Sesiapa yang meminta ampun maka Aku mengampunkannya, mereka yang ditimpa bala bencana Aku lepaskannya, mereka yang meminta rezeki Aku berikan rezekinya."

7. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Kelebihan Rejab atas bulan-bulan yang lain adalah seperti kelebihan Al-Quran atas qalam. Kelebihan Sya'aban atas bulan-bulan yang lain seperti kelebihan atas nabi-nabi. Kelebihan Ramadhan atas bulan-bulan lain seperti kelebihan Allah atas sekalian makhluk Nya."

8. Sabda Rasulullah SAW bermaksud bahawa Allah SWT memerhatikan hamba-hamba Nya pada malam Nisfu Sya'aban, maka diampunkan dosa sekalian makhluknya kecuali orang yang menyengutukan Allah dan orang yang tidak mahu bercakap sesama saudaranya (sesama Islam)

9. Diriwatikan daripada Ka'abul-Akhbar bahawa Allah SWT telah mengutus Malaikat Jibril pada malam Nisfu Sya'aban ke Syurga. Allah SWT memerintahkan supaya Syurga dihiasi seindah-indahnya. Malaikat Jibril berkata kepada syurga, sesungguhnya Allah SWT telah memerdekakan ahli neraka pada malam ini sebanyak bilangan bintang-bintang di langit, sebanyak jumlah hari dunia dan malamnya, sebanyak daun-daun pokok, seberat gunung-gunung dan sebanyak-banyak pasir."

10. Khalifah Umar Abdul Aziz telah memberitahu wakilnya di Basrah: "Hendaklah kamu perhatikan empat malam dalam satu tahun, kerana sesungguhnya Allah SWT membukakan pintu rahmatNya dengan seluas-luasnya iaitu malam pertama bulan Rejab, malam Nisfu Sya'aban, malam Aidil-Fitri dan malam Aidil-Adha.

Antara amalan-amalan yang digalakan dalam Bulan Sya'aban

1. Mengerjakan Puasa Sunat
2. Melaksanakan Solat Sunat Nisfu Sya'aban (malam 15 Syaaban)
3. Memperbanyakkan Istigfar
4. Berzikir, Bertasbih, Berselawat pada setiap hari
5. Memperbanyakkan Sedekah dan membaca Al-Quran
Wallahualam.

RENUNG-RENUNGANLAH

Makna Sya'aban adalah 'berserak-serak (terlalu banyak)' merujuk kepada peluang meningkatkan amalan kebajikan. Anahnya dalam masyarakat kita hari ini, yang berserak-serak pada bulan Sya'aban adalah kain baju untuk persiapan hari raya. Pergilah kemana-mana tukang jahit, semuanya penuh dengan tempahan baju raya malah sesetengahnya sudah tidak mahu lagi menerima lantaran terlalu banyaknya tempahan. Satu lagi yang banyak berserak adalah 'sampel' kueh raya. Sya'aban sepatutnya digunakan untuk melatih diri bagi persiapan menghadapi Ramadan (puasa) bukannya Syawal (hari raya), wallahualam

Petikan Al-Quran

"Hanyalah yang memakmurkan mesjid-mesjid Allah ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari kemudian, serta tetap mendirikan solat, menunaikan zakat dan tidak takut (kepada sesiapa pun) selain daripada Allah, maka merekalah orang-orang yang diharapkan termasuk golongan orang-orang yang mendapat petunjuk." Maksud Surah At- Taubah ayat 18.

"Sesungguhnya mayat itu akan disiksa dengan sebab tangisan orang yang hidup." Hadith Riwayat Muslim

KALENDER AKTIVITI SURAU AL-ULUM KD9 – SEPTEMBER, 2005

| AHAD | ISNIN | SELASA | RABU | KHAMIS | JUMAAT | SABTU |
|---|---|---|---|--|---|--|
| | | | | 1 Sept. 2005 / 27 Rejab, 1426 YAASIN/TAHLIL | 2 Sept. 2005 / 28 Rejab, 1426 YAASIN/SOLAT HAJAT PIBG SEKOLAH KEB SEKSYEN 9 KOTA DAMANSARA | 3 Sept. 2005 / 29 Rejab, 1426 |
| 4 Sept. 2005 / 30 Rejab, 1426 KULIAH MAGHRIB – TAJWID Ust Mohd Amin Al-Buntari Pegawai Agama As-Sahabah | 5 Sept. 2005 / 1 Sya'aban, 1426 KULIAH MAGHRIB – ILMIAH Sdr Baharin Abdul Mubin | 6 Sept. 2005 / 2 Sya'aban, 1426 KULIAH MAGHRIB – TASAUF Ust Muhadir Joll Pensyarah UIA | 7 Sept. 2005 / 3 Sya'aban, 1426 KULIAH MAGHRIB – TAFSIR Ust Kamal Mahadi Kolej Islam SAS Kelang | 8 Sept. 2005 / 4 Sya'aban, 1426 YAASIN/TAHLIL MESYUARAT AJK SURAU AL ULUM KD9 | 9 Sept. 2005 / 5 Sya'aban, 1426 KULIAH MAGHRIB – FEOAH Ust Azizi KAFA As-Sahabah | 10 Sept. 2005 / 6 Sya'aban, 1426 |
| 11 Sept. 2005 / 7 Sya'aban, 1426 KULIAH MAGHRIB – TAJWID Ust Mohd Amin Al-Buntari Pegawai Agama As-Sahabah | 12 Sept. 2005 / 8 Sya'aban, 1426 KULIAH MAGHRIB – HADITH Ust Halim Din Pusat Zakat Selangor | 13 Sept. 2005 / 9 Sya'aban, 1426 KULIAH MAGHRIB – TASAUF Ust Muhadir Joll Pensyarah UIA | 14 Sept. 2005 / 10 Sya'aban, 1426 Tayangan Video KULIAH MAGHRIB – UMUM Ust Zainudin Abu Bakar Subang Jaya | 15 Sept. 2005 / 11 Sya'aban, 1426 YAASIN/TAHLIL | 16 Sept. 2005 / 12 Sya'aban, 1426 KULIAH MAGHRIB – FEOAH Ust Azizi KAFA As-Sahabah | 17 Sept. 2005 / 13 Sya'aban, 1426 KELAS BAHASA JEPUN Sdr Zainol Abidin Kasim |
| 18 Sept. 2005 / 14 Sya'aban, 1426 KULIAH MAGHRIB – TAUHID Ust Hj Abd Razak Abdullah Jab. Agama Islam Wilayah | 19 Sept. 2005 / 15 Sya'aban, 1426 KULIAH MAGHRIB – ILMIAH (?) Ir. Syed Kamaruzaman Pers. Ahli Falak Syarie M'sia | 20 Sept. 2005 / 16 Sya'aban, 1426 KULIAH MAGHRIB – TASAUF Ust Muhadir Joll Pensyarah UIA | 21 Sept. 2005 / 17 Sya'aban, 1426 KULIAH MAGHRIB – TAFSIR Ust Kamal Mahadi Kolej Islam SAS Kelang | 22 Sept. 2005 / 18 Sya'aban, 1426 KULIAH MAGHRIB – HADITH Ust Abdullah Osman Ibraqi KELAS BAHASA ARAB | 23 Sept. 2005 / 19 Sya'aban, 1426 KULIAH MAGHRIB – UMUM Ust Long Keciik Inst. Lat. Sultan Ahmad Shah | 24 Sept. 2005 / 20 Sya'aban, 1426 |
| 25 Sept. 2005 / 21 Sya'aban, 1426 GOTONG ROYONG (PAGI) CERAMAH PERDANA (MLM) | 26 Sept. 2005 / 22 Sya'aban, 1426 KULIAH MAGHRIB – HADITH Ust Abdullah Osman Ibraqi KELAS BAHASA ARAB | 27 Sept. 2005 / 23 Sya'aban, 1426 KULIAH MAGHRIB – TASAUF Ust Muhadir Joll Pensyarah UIA | 28 Sept. 2005 / 24 Sya'aban, 1426 | 29 Sept. 2005 / 25 Sya'aban, 1426 YAASIN/TAHLIL | 30 Sept. 2005 / 26 Sya'aban, 1426 CERAMAH UMUM | |

(?) Tertakluk kepada pengesahan / perubahan

RINGKAS DARI AL-ULUM

ROMBAKAN KECIL BARISAN AJK AL-ULUM telah dilaksanakan bagi menggantikan AJK yang bertukar. Sdr Baharin Abdul Mubin telah dilantik Setiausaha menggantikan Sdr Azizan Abd Aziz yang bertukar ke Sabah, Sdr Zainal Abd Razak pula dilantik menjadi Bilal menggantikan Hj Suhaidi Omar yang bertukar ke Sudan manakala jawatan Juruaudit yang dikosongkan oleh Sdr Muhamad Maznillah akan diisi kemudian.

GOTONG ROYONG AL ULUM KALI KE 2 – Menjelang Ramadan, satu kerja gotong royong akan diadakan bagi membersihkan dan mengindahkan surau kita. Program ini Insa' Allah akan diadakan pada AHAD, 25 September, 2005 mulai jam 7.30 pagi. Semua ahli kariah dijemput bersama-sama menjalankan aktiviti ini. Sumbangan kewangan, pokok bunga, minuman ringan dan sebagainya adalah dialu-alukan.

CERAMAH PERDANA AL ULUM – Pada sebelah malam selepas aktiviti gotong-royong, satu ceramah perdana akan diadakan di surau anda bermula selepas solat Maghrib yang akan disampaikan oleh Ust. Fauzi Derahman dari Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Semua muslimin-muslimat dijemput hadir.

PENGIMARAHAN SURAU SEPANJANG RAMADAN 1426H - Pihak Jawatan-kuasa Surau Al-Ulum ingin memberi peluang kepada ahli kariah untuk bersama-sama terlibat dalam usaha pengimarah surau kita sepanjang bulan Ramadan 1426 ini. Dato/Datin/Tuan/Puan boleh membantu dalam mendapatkan penceramah untuk program tazkirah selepas Solat Terawih ATAU penceramah Kuliah Suboh (Sabtu dan Ahad) ATAU menaja penceramah-penceramah berkenaan ATAU menaja berbuka puasa ATAU menaja 'moreh' selepas majlis tazkirah ATAU menaja sahur selepas Qiamullail. Tajaan boleh dibuat secara individu atau berkumpulan. Sumbangan dalam bentuk lain juga amat dialu-alukan. Sila berhubung dengan Sdr Dr Hj Ismadi Ishak (012-2352141) atau Sdr Mazmi Shahid (019-2103399) atau mana-mana AJK surau berhampiran kediaman anda. Semoga Ramadan kali ini akan lebih meriah lagi dan kita semua sentiasa di dalam rahmat Allah.

TAHLIL ARWAH juga akan diadakan sepanjang bulan Ramadan selepas Solat Terawih bertempat di surau kita. Semua muslimin/muslimat yang berhajat untuk mengadakan tahlil arwah untuk kaum kerabat, sila majukan permohonan menggunakan borang yang disediakan di surau.

Daripada Mughirah bin Syu' bah r.a. berkata: Rasulullah saw. bersabda, "Sentiasa di kalangan kamu ada golongan yang berjaya (dalam perjuangan mereka), sehingga sampailah suatu saat yang dikehendaki oleh Allah swt. Mereka sentiasa berjaya". H.R. Bukhari

PESANAN

Kami dengan rendah diri memohon kerjasama sdr/sdri. sekalian agar menyimpan Buletin ini ditempat yang sesuai demi menjaga kesucian Agama Islam dan keberkatan ilmu yang disampaikan
– JKK Penerbitan & Komunikasi

DOA

DOA UNTUK MENDAPAT HIKMAH

يَا عَلِيمُ عَلِّمْنِي حِكْمَةً

Ya 'Aliimu Allimni Hikmah

"Wahai Tuhan Yang Maha Mengetahui, ajarkanlah aku hikmah".
(Nasihat dari Ustaz T.M. Fouzy Jumat)

DOA KETIKA KEHELAPAN FIKIRAN (mental block)

Dibaca sewaktu menduduki peperiksaan

يَا هَادِي اِهْدِنِي

Ya Haadi, ihdini.

"Wahai Tuhan Yang Memberi Petunjuk, tunjuki aku"

Imam Ahmad bin Ali Albunni mengatakan, Nama Allah ini adalah lafaz zikir malaikat Israfil. Apabila kita berada dalam kegelapan fikiran, kita baca doa tersebut, Insha-Allah seketika itu juga kita akan memperoleh petunjuk. Boleh juga dibaca seketika sesat jalan. Wallahualam